

26,872 premis diperiksa sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina

Februari 3, 2020 Ditulis oleh Media Baharu

PUTRAJAYA, 3 Feb - Sebanyak 271 kes melibatkan pelbagai kesalahan dikesan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Tahun Baharu Cina.

Operasi dilaksana sejak 20 Januari dan berakhir semalam oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Dalam satu kenyataan, Menteriya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sepanjang penguatkuasaan SHMMP, sebanyak 26,872 premis perniagaan runcit dan borong di seluruh negara telah diperiksa pasukan penguatkuasa.

Hasil pemeriksaan mendapati 217 premis gagal mempamerkan tanda harga khas, 48 lagi tidak mempamerkan tanda harga dan 6 kes menjual melebihi harga maksimum.

Kompaun bernilai RM 36,200 dikeluarkan kepada peniaga ingkar dan rampasan barangan turut dilaksanakan yang bernilai lebih RM 30,000.

Pelaksanaan SHMMP dilaksana selama 14 hari berbanding tempoh biasa 10 hari melibatkan 16 barangan keperluan utama.

Operasi disertai 2,300 pegawai penguatkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan skim harga maksimum.